

CERMIN KEHIDUPAN MOEHAMMAD SHALEH, DATOEK RANGKAYO BASA : SAUDAGAR MUSLIM PARIAMAN, MINANGKABAU ABAD XIX, (Edisi Ke-2).

Oleh H. Nur Usman, Infomedika, Jakarta. 2014

Sejarah Buku

Buku yang kami ulas ini sebenarnya diterbitkan pada pertama kali pada tahun 2013 oleh penerbit yang sama. Bersebabkan kami tidak memperoleh edisi pertama buku ini, makanya kami hanyalah akan mengulas edisi kedua buku ini. Rasanya, berbanding dengan edisi pertama tersebut, pengarang telah menambahkan beberapa bahagian penting yang membentuk keseluruhan edisi kedua. Penambahan tersebut adalah :

- i. Makalah ulasan buku edisi pertama oleh Dr. Mochtar Naim bertajuk Moehammad Shaleh Berfikir Positif dan Terbuka.
- ii. Makalah ulasan buku edisi pertama oleh H. Ir. Azwar Anas Datuk Rajo Sulaiman bertajuk Cerminan Entrepreneur Saudagar Minang Abad XIX.
- iii. Makalah ulasan buku edisi pertama oleh Prof. Dr. H. Salmadanis bertajuk Moehammad Shaleh : Cerminan Spiritualitas Saudagar Minang.
- iv. Acara Bedah Buku edisi pertama pada 14/11/2013 di Grand Inna Muara Hotel, Padang.

Makanya, kami berfikiran bahawa pengulas (i-iii) sebenarnya membahas maklumat yang lebih kurang sama dengan yang kami mahu bahas disini, iaitu kandungan utama edisi pertama yang bersamaan dengan kandungan utama edisi kedua. Penulis buku ini tidak menuliskan prakatanya (Sekapur Sirih) untuk edisi kedua bukunya. Menariknya, pengarang buku ini menerbitkan bersekali terjemahan makalah berikut

Tsuyoshi Kato bertajuk Rantau Pariaman : The World of Minangkabau Coastal Merchants in the Nineteenth Century yang diterbitkan dalam *Journal of Asian Studies*, Vol. XXXIX. No. 4, August 1980, pp. 729-752. Makalah ini sebenarnya adalah penambahbaikan bagi makalah sebelumnya yang dibentang oleh Kato bertajuk *Lives as Mirrors* di Konferensi Tahunan ke-7 Tentang Studi-Studi Indonesia di Berkeley University, California, pada 11&12/8/1980.

Pengulas Kato itu sebenarnya bertaraf sama ulasannya dengan buku yang ditulis oleh H. Nur Usman ini, kerana kedua-dua mereka menulis berdasarkan pentelaahan mereka terhadap karya autobiografi Moehammad Shaleh bertajuk *Riwayat Hidup dan Perasaan Saya, Moehammad Saleh Datoek Orang Kaya Besar*, yang berbentuk manuskrip Jawi pada 1914 (Berbahasa Minangkabau) tetapi kemudiannya diterbitkan oleh cucunya yang bernama Sutan Mahmud Latif pada 1933 di Bandung (?) dalam tulisan Rumi (tapi masih mengekalkan Bahasa Minangkabau). Autobiografi ini diulang cetak pada 1965 di Bandung dan pada 1975 di Bogor. Kato mentelaah

cetakan yang kedua 1965, setelah diperkenalkan kepadanya oleh A. Teeuw. Penulis buku ini iaitu H. Nur Usman mentelaah cetakan yang ketiga 1975. Kami mendapatkan salinan fotokopi (tidak lengkap sebab tidak disertakan Lampiran II dan Lampiran III) cetakan ketiga 1975 ini dari H. Nur Usman. Elok kami perkatakan sedikit berkenaan autobiografi Mohammad Shaleh yang dimaksudkan diatas.

Rujukan Kato dan H. Nur Usman Terhadap Autobiografi Mohammad Shaleh

Autobiografi yang akan kami perkatakan ini mungkin adalah sebuah karya yang amat penting kepada Tamadun Melayu. Ini adalah kerana, sepanjang penyemakan kami terhadap manuskrip-manuskrip Melayu, kami hanyalah menemui sebuah sahaja karya yang boleh dirangkumkan sebagai terletak dalam bidang perekonomian. Memanglah kemudiannya manuskrip-manuskrip Minangkabau yang dikumpulkan oleh Dr Pramono di FIB, UNAND, Padang, dalam jangkamasa 5 tahun kebelakangan ini, juga boleh dirangkumkan sama. Namun manuskrip-manuskrip ini hanyalah berupa helaian-helaian perjanjian perniagaan/ pajak/sewa/hutang/pinjam/dll sepertinya diantara dua pihak di Minangkabau. Terkecualilah beberapa manuskrip yang kandungannya seolahnya sama seperti manuskrip berikut. Karya tersebut adalah sebuah manuskrip karangan Sheikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri bertajuk *Mir'ah al-Tullab Fi Tashil al-Ma'rifah al-Ahkam al-Shar'iyah Li al-Malik al-Wahhab* (1011H/1633M) simpanan PNM MS 1046. Kitab ini adalah dalam Bahasa Melayu, walaupun tajuknya Arab. Kitab ini pernah dikaji oleh Zulkefli dan Muhammad Subari. Mereka meringkaskan kitab ini sebagai membahaskan beberapa puluh konsep ikhtisad seperti al-Bai', al-Riba, al-Manhi, Khiyar, Bai' Qabl Qabdhi wa Ba'dahu, al-Tawliyah, al-Isyrak, al-Murabahah, al-Muhatah, Hukum Perniagaan Tanah-Pohon-Buah, Bai' al-Thimar wa al-Zara'i, Ikhtilaf al-Mutayabi'in, Mu'amalah al-Raqiq, Bai' al-salam, al-Aqrad (al-Qrd), al-Rahn, al-Taflis, al-Hajr, Wilayah al-saghir, al-sulh, al-Hiwalah, al-Daman, al-Syarikah, al-Iqrar, al-Ghasb, al-Syafa'ah, al-Qirad, al-Musaqah, al-Ijarah, Ihya' al-mawat, Waqf, al-Hubah, al-Luqatah, al-Laqit, al-Ju'alah, al-Fara'id, al-Isha' dan al-Wadi'ah. Penyelidik-penyelidik Sejarah Ekonomi Tamadun Melayu sepatutnya boleh membangun semula secara teori untuk menunjukkan bagaimanakah konsep-konsep ekonomi ini terpakai di Aceh khususnya dan Tamadun Melayu umumnya. Manuskrip yang ditulis oleh Moehammad Shaleh pada 1914 yang akan diperkatakan disini boleh sahaja sebahagiannya membuktikan kepenggunaan konsep-konsep ekonomi yang dinyatakan oleh Sheikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri pada 1633 itu.

Jika susunan yang dibuat oleh Moehammad Shaleh pada 1914 masih dikekalkan oleh cucunya Sutan Mahmud Latif pada 1933 dan diulang cetak pada 1965 dan 1975, makanya yang ada pada tangan kami untuk ditelaah adalah karya sama yang disusun oleh Moehammad Shaleh. Jika itulah keadaannya (yang berkemungkinannya tidak walaupun perubahan yang amat ketara adalah penukaran tulisan dari Jawi ke Rumi dan penukaran dari Dialek Minangkabau ke Bahasa Indonesia/Melayu), makanya autobiografi ini mengandungi 31 bab. Sedangkan penyusun Sutan Mahmud Latif cumalah menyenaraikan 27 bab di dalam isi kandungan. Kealpaan penyenaian ini tidaklah membawa kepada apa-apa implikasi yang besar. Edisi seterusnya yang kami

cadangkan kepada H. Nur Usman mestilah menyenaraikan dengan tepat seluruh 31 bab ini. Secara ringkasnya autobiografi ini boleh dipisahkan kepada dua bahagian, iaitu yang pertamanya tentang bagaimanakah Moehammad Shaleh menceritakan kisah sebelum beliau lahir dalam 2 bab yang pertama bertajuk Bab 1 : Ayah dan Bab 2 : Kemewahan Hidup Orang Kaya-Kaya di Masa Lampau. Walaupun tidaklah begitu baik penceritaannya, namun seseorang penyelidik boleh mengetahui dengan baik bahawa Moehammad Shaleh menceritakan tentang dua watak terpenting dalam hidupnya, iaitu ayahnya yang bergelar Pojok=Orang Kayo Peto Radjo (1772-1867) dan datuknya yang hanyalah beliau sebut sebagai “ayah, ayah saya, yaitu nenek saya”. Kalau seseorang penyelidik menganggap bahawa Pojok lahir tatkala ayahnya berusia 20 tahun, makanya datuk kepada Moehammad Shaleh ini lahir sekitar 1750-an. Autobiografi ini menjangkau kisah di Tanah Minangkabau seawal pertengahan kurun ke-18M itu. Tentunya menjadi sesuatu yang bermakna kepada keluarga besar Moehammad Shaleh kini untuk mengetahui siapakah nama sebenar datuk Moehammad Shaleh ini, malah mengetahui susur-galur beberapa nama lagi di atasnya. Peto Radjo ini bernikah dengan empat wanita. Pernikahan pertama dengan seorang wanita yang tak disebutkan namanya melahirkan tiga orang anak, iaitu Solam, Takat dan Saat. pernikahannya yang kedua dengan Taras/Taroes melahirkan empat orang anak, iaitu Djidoen, Nangsibah, Moehammad Shaleh dan yang terakhir meninggal dunia sewaktu lahir (mengakibatkan juga Taras meninggal dunia). pernikahannya yang ketiga dengan Uai Lengok. Pernikahan yang keempat tidak dimaklumkan. Selain 2 bab ini, 29 bab yang seterusnya secara dominan menceritakan perjalanan hidup Moehammad Shaleh semenjak lahir kedunia pada 1841 dan siap menuliskan manuskrip ini pada 1914.

Struktur Karya H. Nur Usman

Walaupun pengarang buku ini sebenarnya berkesempatan untuk menelaah autobiografi datuknya Mohammad Shaleh, iaitu terhadap edisi ketiga 1975, sepertimana yang dilakukan oleh Kato terhadap edisi kedua 1965, namun rasanya tidak sedemikian yang dilakukan oleh pengarang. Jika diperhatikan tajuk buku ini, yang dimulai dengan perkataan “Cermin Kehidupan ...”, perkataannya amatlah mirip kepada tajuk asal makalah Kato, iaitu “Lives as Mirror”. Kami menyedari hal ini terkemudian, berbanding penemuan kami terhadap isi kandungan buku ini yang juga mirip kepada makalah Kato yang diterjemahkan ke Bahasa Indonesia. Buku ini mengandungi 7 bab, manakala makalah Kato terbahagi kepada 3 bahagian. Namun permulaan bagi Bab 1, Bab 2, Bab 3 dan Bab 7 buku ini adalah sama perkataan-perkataannya dengan beberapa bahagian daripada makalah Kato. Contohnya Bab 1 sama permulaannya dengan ms 1 makalah Kato, Bab 2 sama permulaannya dengan ms 10 makalah Kato, Bab 3 sama permulaannya dengan ms 3 makalah Kato, dan Bab 7 sama permulaannya dengan ms 6 makalah Kato. Kami juga beranggapan bahawa Bab 4, Bab 5 dan Bab 6 dirangka bersemangatkan kandungan-kandungan tertentu dalam makalah Kato. Bersebabkan dua hal ini, kami langsung menyemak senarai rujukan, lalu kami mendapati bahawa 28 rujukan yang disebut oleh Kato adalah juga 28 rujukan pertama diakhir buku ini (dengan penyusunan yang sedikit mengelirukan, dan bersebabkan wujudnya dua kali rujukan terhadap penulisan yang sama, jumlah rujukan

sebenarnya hanyalah 25). Dengan 3 alasan ini, kami beranggapan bahawa buku ini adalah perluasan daripada makalah Kato. Maksudnya pengarang buku hanyalah merujuk dengan minima autobiografi datuknya.

Maka timbullah persoalan. Jika demikian kedudukannya, selain daripada Sutan Mahmud Latif yang menyunting autobiografi ini pada 1933, 1965 dan 1975, dan pernah menulis sebuah makalah bertajuk *De Positie en de maeht van Jang di Partoean, Vorst Minangkabau en zijne nakomelingen*, dalam majalah *Vrijzinnig Weekblad*, No. 43, 11/11/1924 yang berkaitan kepada autobiografi ini, hanyalah Kato sahaja yang pernah menganalisis seluruh kandungan autobiografi ini. Apakah wujud pengkaji lain yang melakukan usaha yang sama seperti dilakukan oleh Kato? Memandangkan autobiografi ini boleh dicapai oleh awam semenjak 1933, iaitu sudah lebih daripada 80 tahun. Kami cumalah menemui satu makalah oleh Dr. Mhd Nur bertajuk *Bandar Tiku di Bagian Barat Sumatera : Kejayaan Ekonomi yang Telah Hilang* terbit dalam *Analisis Sejarah*, Volume 4, No. 2. 2014. Mungkin merupakan suatu usaha yang amat baik kalau-kalau dapat ditunjukkan bahawa autobiografi Mohammad Shaleh ini selama lebih 80 tahun semenjak pertama kali diterbitkan pada 1933 telah ditelaah ramai dan telaah tersebut diterbitkan dalam berbagai media. Kami mahu memberikan cadangan agarnya usaha ini dilakukan.

Sumbangan Pengarang

Bersebabkan hal yang kami tunjukkan berlaku untuk Bab 1, Bab 2 Bab 3 dan Bab 7, makanya tumpuan kami dalam pentelaahan dan pengulasan buku ini tertumpu kepada Bab 4, Bab 5 dan Bab 6. Pada ketiga-tiga bab inilah sebenarnya pengarang memasukkan beberapa maklumat yang kami rasakan membuka hujah tentang peranan Mohammad Shaleh sebagai pedagang Minangkabau. Maklumat-maklumat tersebut beliau ambil dari puluhan buku yang dinyatakan rujukannya dibelakang buku ini, terutamanya rujukan-rujukan selain yang digunakan oleh Kato. Tiga bab ini amatlah berharga untuk ditelaah terutamanya oleh penyelidik-penyelidik muda yang mahu menumpukan perhatian kajian terhadap Perdagangan Bangsa Minangkabau khususnya, dan Bangsa Melayu umumnya. Contoh yang kami mahu bawakan disini adalah kandungan Bab 4. Pengarang berusaha mengaitkan apa yang dipelajarinya dan dikerjayainya dalam Sistem Pengurusan Moden kepada amalan perdagangan datuknya Mohammad Shaleh. Perlu difahami bahawa walaupun Revolusi Industri telah bermula sekitar 1750 di England dan Eropah, namun Sistem Pengurusan Moden hanyalah bermula sekitar 1910 selepas Taylor dan Fayol (lihat Shahrir. 2008/2010. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Penerbit UMT) yang mempertanyakan beberapa permasalahan, iaitu :

- i. Apakah kerja yang baik?
- ii. Apakah lokasi terbaik bagi loji dan kilang?
- iii. Bagaimana pekerja diselia?
- iv. Apakah caraterbaik untuk memilih pekerja untuk sesuatu tugas?

- v. Isu kecekapan dan pengeluaran, pkamatis dan mekanistik.

Dan tatkala itulah Mohammad Shaleh ini melakukan perdagangannya di Minangkabau dan Aceh. Persoalannya, bolehkah kita mentafsirkan apa-apa bentuk Sistem Pengurusan Moden terhadap amalan perdagangan Mohammad Shaleh? Inilah yang cuba diusahakan oleh pengarang. Beliau menyatakan bahawa apa yang diamalkan oleh Mohammad Shaleh sebenarnya adalah merupakan bibit-bibit Sistem Pengurusan Moden yang dirumuskan oleh Richard Cantillon (mengarang sekitar 1755), Adam Smith (mengarang sekitar 1832), Jean Baptise Say (1767-1832), Schumpeter dan Peter Drucker. Pengarang membangun 4 subbahagian bagi menunjukkan menyokong hujahnya, iaitu :

4(a).Profil Kewirausahawanan Moehammad Shaleh

4(b).Penerapan dan Pola Pikir Kewirausahawanan yang dijalankan Moehammad Shaleh

4(c).Kebijakan Publik dalam Mengatasi Kemiskinan

4(d).Pola Pikir Ekonomi Islam

Namun, hujah-hujahnya adalah berbentuk umum dan tidak mengkhusus sehinggakan kita boleh katakan bahawa Mohammad Shaleh membangun sistem pengurusan yang baik, Kita perlu mentelaah autobiografi Mohammad Shaleh untuk membantuk pengarang buku ini membuktikan apakah yang didakwanya. Begitupun, kami masih mahu sedikit menyentuh berkenaan 4(d). Pola Pikir Ekonomi Islam. Pada subbahagian ini, pengarang mengulangi apa yang dikatakan oleh pengarang lain berkenaan beberapa tokoh ekonomi Islam, iaitu Abu Yusof (731-788M), Al-Ghazali (1058-1111M), Ibn Khaldun (1332-1395M) dan Ibn Taimiyyah. Namun, pengarang tidaklah dapat menunjukkan bagaimanakah prinsip-prinsip perniagaan dan perdagangan yang dibahaskan oleh keempat-empat tokoh tadi sebenarnya diamalkan oleh niagawan dan pedagang Melayu, khususnya Mohammad Shaleh. Satu-satunya yang manarik adalah, pengarang mengatakan bahawa Mohammad Shaleh mentelaah karya Sheikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri bertajuk *Mir'ah al-Tullab Fi Tashil al-Ma'rifah al-Ahkam al-Shar'iyah Li al-Malik al-Wahhab* (1011H/1633M) (ada dalam simpanan PNM MS 1046) yang kami bicarakan diatas.

Saranan

Kami berpandangan bahawa struktur buku ini perlu dirombak semula bagi mendapatkan perbahasan sebenar tentang apakah sumbangan Mohammad Shaleh kepada dunia perdagangan Bangsa Minangkabau. Jika ini dilakukan, makanya bersama-sama dengan Autobiografi Mohammad Shaleh, buku ini boleh dijadikan bacaan wajib kepada siswa/i yang menjurus dalam bidang pengurusan perniagaan di universiti-universiti di Malaysia dan Indonesia.

Mohammad Alinor Abdul Kadir

Akademi Kajian Ketamadunan

Kolej Dar al-Hikmah, Kajang.